



**IKLAN JAWATAN KOSONG  
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (KAMPUS SERDANG)  
BILANGAN 7 TAHUN 2024**

**HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (HSAAS)** dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan untuk mengisi jawatan bertaraf **KONTRAK** sebagaimana dalam jadual di bawah.

BIL.	JAWATAN	GRED	KELAYAKAN MINIMUM	MAKLUMAT JAWATAN
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>				
1.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	SPM	<a href="#">PTPO N19</a>
2.	Pemandu	H11	SPM	<a href="#">PEMANDU H11</a>

**SYARAT UMUM PERMOHONAN**

- 1) Calon mestilah Warganegara Malaysia.
- 2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 3) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 4) Bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam Perkhidmatan Awam yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat PT3/PMR/SRP, calon hendaklah memenuhi syarat minimum PT3/PMR/SRP berikut:

Mata Pelajaran	Syarat Minimum Gred di PT3	Syarat Minimum Gred di PMR	Syarat Minimum Gred di SRP
<b>Bahasa Melayu</b>	Kepujian (Gred C)	Kepujian (Gred C)	Kepujian (Gred 6)
<b>Matematik</b>	Lulus (Gred E)	Lulus (Gred D)	Lulus (Gred 7 atau 8)
<b>Tiga (3) mata pelajaran lain</b>	Lulus (Gred E)	Lulus (Gred D)	Lulus (Gred 7 atau 8)

- 5) Bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam Perkhidmatan Awam yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), calon hendaklah memenuhi syarat minimum SPM berikut:
- a) dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau
  - b) dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

## CARA MEMOHON

- 1) Permohonan jawatan perlu dibuat dengan mengisi borang permohonan atas talian (pautan *Google Form* mengikut jawatan) yang boleh dicapai melalui:  
[BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG](#)
- 2) Calon dikehendaki **memuat naik** dokumen seperti berikut di dalam *Google Form*:
  - **Borang Permohonan Jawatan (mengikut kumpulan jawatan)** beserta **Gambar terbaru berukuran pasport**; dan
  - **Dokumen sokongan** berdasarkan kepada **Senarai Semak Temu Duga** yang dilampirkan.
- 3) Hanya calon yang **layak dan melepasi proses saringan sahaja** akan dipanggil untuk **sesi temuduga**.
- 4) Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima daripada tarikh tutup iklan** tidak akan diproses.
- 5) Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan** adalah dianggap tidak berjaya.
- 6) Sebarang pertanyaan, mohon hubungi Unit Pengurusan Sumber Manusia di [job\\_hsaas@upm.edu.my](mailto:job_hsaas@upm.edu.my) atau 03-9769 9055/9056/9072.

## TEMPOH IKLAN

Permohonan jawatan mula dibuka pada **7 Oktober 2024 (Isnin)** dan ditutup pada **14 Oktober 2024 (Isnin)**

Unit Pengurusan Sumber Manusia  
Hospital Sultan Abdul Aziz Shah  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
SELANGOR